

SEBAIK sahaja Persidangan Agung Unmo selesai, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tidak melengah-langhakan masa meneruskan kerjanya yang sedia menanti.

Selepas menghadiri persidangan parti terbesar itu, Datuk Musa meninggalkan negara menuju ke Jepun untuk mengadakan rundingan dengan pemimpin dan pengusaha Jepun dalam meneruskan usaha hendak membaiki kehidupan rakyat dan negara.

Lawatan lima hari ke negara matahari terbit itu adalah hasil dari perbualan telefon antara Datuk Musa dan Perdana Menteri Jepun, Enck Yasuhiro Nakasone sekembalinya pemimpin Jepun itu dari lawatan rasmi ke negara-negara Asean, Mei lalu.

Lawatan itu juga dianggap sebagai balasan kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, awal tahun ini.

Meskipun hanya diiringi oleh beberapa orang pengusaha dan kontraktor tempatan, hasil lawatan itu tidak boleh diperkecilkan kerana ia adalah titik permulaan kesedaran pengusaha-pengusaha Jepun tentang kepentingan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan penyertaan Bumiputera dalam menjayakan dasar itu.

Timbalan Perdana Menteri tidak mahu pengusaha Jepun hanya melabur di negara ini semata-mata untuk mencari untung tanpa memikirkan hasrat dan mamlat kerajaan.

Datuk Musa mahu syarikat Jepun menyediakan tempat latihan yang lebih banyak kepada pelatih-pelatih Malaysia terutama untuk menjayakan rancangan pemindahan teknologi.

Bellau juga mahu rakyat Malaysia membuat lawatan ke negara itu untuk mempelajari pelbagai aspek positif dari sifat disiplin, berbudu bahasa bingalah kepada perubahan pemikiran mereka untuk menjadikan negara muncul sebagai sebuah negara yang dihormati di dunia.

Lebih erat

Pada hakikatnya, Jepun bukanlah sebuah negara yang baru dikenali kerana bellau telah melawat negara itu sejak menjadi pemimpin pelajar, Universiti Malaya dahulu dan seterusnya setelah memegang beberapa jawatan penting kerajaan.

Jepun membangun begitu pesat meskipun setelah menerima kesan buruk dari peperangan dunia kedua.

Walaupun Jepun menunjukkan kemampuan membangunkan negaranya, namun Malaysia kurang menumpukan perhatiannya terhadap kejayaannya itu sehingga apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed memperkenalkan dasar Pandang Ke Timur.



DATUK Musa (kiri) berunding dengan Perdana Menteri, Enck Yasuhiro Nakasone



DATUK Musa (kanan) berunding dengan Menteri Luar Jepun, Enck Shintaro Abe

TITIK KESEBARAN TENTANG DASAR EKONOMI BARU

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

Dasar Pandang Ke Timur memberi makna yang besar kepada kedua negara dalam mengukuhkan hubungan yang lebih erat antara pemimpin dengan pemimpin dan rakyat dengan rakyat kedua negara.

Rundingan antara pemimpin sudah pasti akan juga memberi kebaikan kepada rakyat.

Dalam hubungan inilah, Datuk Musa mengadakan rundingan dengan Menteri Luar Jepun, Enck Shintaro Abe dengan menyetujui pelbagai aspek antarabangsa, serantau dan hubungan dua hala antara Malaysia-Jepun.

Rundingan itu diteruskan pula dengan Enck Yasuhiro Nakasone.

Pelbagai persoalan pokok meliputi politik, ekonomi, perdagangan dan tidak ketinggalan mengenai dasar Pandang Ke Timur dibangkitkan dalam pertemuan yang besar akhirnya itu.

Hasil rundingan itu jugalah, Jepun membaharui ikrarnya menyokong pendirian Asean berhubung isu Kampuchea.

Dengan tegas, Jepun memberi jaminan tidak akan memberi bantuan ekonomi kepada Vietnam selagi tenteranya ditempatkan di Kampuchea.

Jepun juga berjanji akan memberi perhatian khas untuk mempersejutujui hasrat Malaysia yang mahu soal Antartika dimasukkan ke dalam agenda Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Oktober nanti.

Datuk Musa diwakili Malaysia dalam persidangan itu.

Jepun adalah antara sebelas negara yang telah menandatangani perjanjian mengenai Antartika tidak lama dulu.

Mengenali kepentingan tempatan, Datuk Musa dan pengusaha-pengusaha tempatan telah mengadakan rundingan dengan beberapa pengurus tertinggi syarikat terkemuka Jepun. Hasilnya, rundingan awal mengenai projek lori perdagangan Malaysia telah dijalankan.

Getah asli

Oleh itu, kita dapat menjangkakan bahawa Malaysia akan mengeluarkan beberapa jenis lori yang berlainan saiz dan bentuknya yang akan dijayakan oleh pengusaha Malaysia dan Jepun.

Syarikat-syarikat yang akan menjalankan projek itu masih belum dipilih kerana rundingan lanjut dijangka akan diadakan dari masa ke masa.

Menyedari tentang imbalan yang lebih menguntungkan Jepun, Datuk Musa tidak melepaskan peluang menyeru negara itu supaya membeli lebih banyak getah asli dari Malaysia.

Seruan itu bukanlah omong-omong kosong kerana Enck Nakasone menyambutnya dengan positif.

Langkah ini adalah penting kerana jika tindakan tidak diambil, jurang imbalan perdagangan itu akan lebih besar kerana Malaysia akan membeli banyak barangan dari Jepun berikutan pelbagai aktiviti besar yang sedang dijalankan sekarang.

Enck Nakasone juga menyambut dengan positif seruan Datuk Musa supaya negara itu menurunkan sebarang cukai yang dikenakan ke atas kelapa sawit Malaysia.

Hasil dari rundingan itu jugalah, Jepun bersetuju cadangan kerajaan untuk meminidahkan \$5 juta, sebahagian dari \$210 juta yang diutangkan di bawah perjanjian pinjaman kredit yen kesembilan dipindahkan untuk projek janakuasa elektrik Pelabuhan Kelang — bukan lagi untuk janakuasa elektrik Paka Terengganu.

Peruntukan untuk menampung perbelanjaan projek janakuasa elektrik di Paka yang dijalankan bersama oleh Jepun dan Perancis itu akan dibayar oleh kerajaan Perancis.

Sebagaimana biasa, lawatan pemimpin negara itu bukannya hanya tertumpu kepada rundingannya dengan pemimpin-pemimpin sahaja.

Datuk Musa sempat bertual dan bertanya-khabar dengan rakyat Malaysia di Jepun terutama pegawai-pegawai di kedutaan Malaysia serta pelatih-pelatih yang sedang mengikuti pelbagai aspek latihan.

Peluang beginilah yang dinanti-nanti oleh mereka kerana kehadiran Datuk Musa itu memberikan kesempatan untuk mengetahui berbagai hal negara di samping mendengar nasihat darinya.

Unsur2 positif

Ketika berucap kepada pegawai kedutaan dan agensi kerajaan mahupun pelatih-pelatih Malaysia, Datuk Musa sentiasa menegaskan bahawa bellau tidak mahu rakyat Malaysia menerima unsur-unsur negatif rakyat Jepun.

Sehalikhnya, apa yang harus mereka pelajari ialah unsur-unsur positif yang dapat memberi sumbangan kepada rakyat negara dalam mewujudkan sebuah negara bernaunah.

Di masa terluang, Datuk Musa sempat berdiri di simpang jalan memerhatikan sifat-sifat disiplin rakyat Jepun.

Datuk Musa kagum kerana rakyat Jepun benar-benar mematuhi undang-undang. Tidak membuang sampah merata-rata, menyeberang jalan dengan teratur dan meniatkannya seperti robot yang mengetahui tugas masing-masing.

Mereka menyedari, jika mereka melanggar undang-undang, akan memberi kesan kepada rakyat dan negara.

Mengenali latihan, Datuk Musa juga puas hati dengan jumlah dan mutu pelajaran yang diberikan oleh kerajaan dan syarikat Jepun kepada rakyat Malaysia.

Sebagai contoh, Timbalan Perdana Menteri melawat sebuah kilang Fudo Constructions di Ibaraki di mana 14 pelatih Malaysia ditempatkan.


Datuk Musa juga melawat Institut Bahasa Antarabangsa (ISU) di Shinjuku di mana 50 pelajar sedang mengikuti kursus bahasa Jepun bawah program dasar Pandang Ke Timur.

Pada masa ini, lebih 200 pelatih ditempatkan di berbagai syarikat di Jepun dari kumpulan kedua rancangan itu.


Seramai 135 pelatih di bawah kumpulan pertama telah tamat di mana 24 darinya dipilih melanjutkan pelajaran di kolej teknik Jepun.



DATUK Musa (tengah) melawat sebuah kilang di Jepun



DATUK Musa (kiri) meneliti kerja yang dijalankan oleh pelatih Malaysia di Syarikat Fudo Constructions di Ibaraki, Tokyo



SERAHAHAN dari 50 pelatih Malaysia menghadiri kelas Bahasa Jepun



DATUK Musa berjual dengan pegawai kedutaan dan agensi Malaysia di Tokyo